

**PULAU PINANG BANDAR
PERCETAKAN AWAL NEGARA**

**OLEH
DR. JELANI HARUN**

(PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN)

PENGENALAN

Dalam sejarah percetakan negara, Pulau Pinang mempunyai tempat yang tersendiri dan istimewa, sekurang-kurangnya sehingga Perang Dunia Kedua (1942). Pulau Pinang bukan sahaja merupakan antara tempat terawal pengenalan mesin cetak di Tanah Melayu, malah menjadi pusat perkembangan institusi percetakan di Tanah Melayu, jauh mengatasi kemajuan institusi percetakan di negeri-negeri lain. Sehingga akhir Perang Dunia Kedua tidak kurang daripada 20 buah syarikat percetakan telah wujud dan beroperasi di Pulau Pinang. Jumlah ini tidak termasuk syarikat percetakan yang terdapat di Seberang Perai. Daripada syarikat percetakan itu telah lahir berpuluh-puluh judul akhbar, majalah dan buku yang beredar dalam pasaran di seluruh Tanah Melayu. Dalam masa yang sama, syarikat-syarikat percetakan tersebut turut menjadi tempat sebahagian besar daripada para pengarang Melayu bernaung dan mengasah bakat dalam bidang penerbitan dan penulisan.

Menurut catatan Byrd (1991: 4-6), sejarah penggunaan mesin cetak bermula di Pulau Pinang pada 1 Mac 1806 menerusi penerbitan akhbar mingguan *The Government Gazette* oleh A.B. Bone. Selepas A.B. Bone meninggal dunia pada tahun 1815, syarikat percetakannya telah diambilalih oleh B.C. Henderson dan William Cox sehingga tahun 1827. Tempoh masa antara 1806-1827 tersebut merupakan suatu tahap penting dalam sejarah bahasa dan sastera Melayu di Pulau Pinang dalam mana buat julung-julung kalinya teknologi percetakan batu telah memainkan peranan dalam penyebaran bahan bacaan kepada masyarakat. Mulai 22 Ogos 1827, percetakan *The Government Gazette* telah bertukar kepada *The Penang Register* di bawah kelolaan Norman Macalister McIntyre. Mulai tahun 1928, percetakan *The Penang Register* telah ditutup dan diambilalih pula oleh pihak kerajaan Inggeris. Hasilnya, mulai 1828, terbit akhbar mingguan *The Government Gazette Prince of Wales Island*.

Penggunaan alat cetak kemudian terus maju semasa berkembangnya kegiatan mubaligh London Missionary Society di Pulau Pinang khususnya selepas kedatangan Thomas Beighton, Ince dan Walter Henry Medhurst pada tahun 1819-1920 (Byrd, 1991: 7-8). Bahan-bahan yang berkaitan dengan agama Kristian telah dicetak dan diedarkan kepada masyarakat Kristian di Tanah Melayu. Pada tahun 1834, Beighton menerbitkan beberapa buah buku berbahasa Melayu termasuk *Poems* (2000 naskhah) dan *Hymns* (1500 naskhah). Salah sebuah buku Melayu awal yang telah diterbitkan oleh beliau berjudul (Proudfoot, 1993: 98):

Cetera Hikayat Sayid Abbas ibn Sayid Zain suaminya Cik Nurati yang sudah bunuh Cik Minah isteri Fu Ka Mat dan anak tirinya bernama Basir di tempat bernamanya Batu Maung dalam bandar Pulau Pinang.

Author & Publisher: Tuan Paderi Beighton
Penang 1837. 24 halaman. Jawi
Mengandungi cerita nasihat dan puisi.

Mulai akhir tahun 1880-an, penggunaan mesin cetak di Pulau Pinang mengalami satu tahap baru yang lebih memberangsangkan. Pada tahap ini, bidang percetakan bukan lagi dikuasai oleh para pencetak Eropah, sebaliknya oleh beberapa buah syarikat percetakan milik peniaga persendirian Cina, India, Jawi Peranakan / Jawi Pekan dan juga pengusaha Melayu. Antara syarikat percetakan yang muncul mulai akhir 1880-an ialah Criterion Press, Freeman Press, Muhammadiyah Press, Kim Seck Hean Press dan Penang & Straits Press. Pada awal tahun 1900-an pula muncul syarikat percetakan Pinang Gazette Press, Mercantile Press, United Press, Persama Press, C. Dabab & Company dan Jelutong Press. Kemunculan syarikat percetakan baru berterusan sekitar tahun 1930-an dengan tertubuhnya Commercial Press, Phoenix Press, Percetakan Sahabat dan beberapa buah syarikat yang lain.

Sehingga kini, *Tanjung Penegeri* (1894) dicatatkan sebagai akhbar yang paling awal terbit di Pulau Pinang dengan editornya yang bernama Kadar Sahib. Selepas itu muncul pula akhbar *Pemimpin Warta* (1895), akhbar *Chahaya Pulau Pinang* (1898), akhbar *Lingkungan Bulan* (1900) dan akhbar *Bintang Timur* (1900). Kecuali akhbar *Chahaya Pulau Pinang* yang dicetak oleh Criterion Press, nama pencetak akhbar yang lain itu masih belum dapat dikenalpasti. Bermula daripada kemunculan akhbar yang awal ini, operasi percetakan terus berkembang maju di Pulau Pinang sehingga akhirnya muncul sebagai pusat institusi percetakan di Tanah Melayu. Keterangan ringkas bagi sebahagian daripada syarikat percetakan awal yang terdapat di Pulau Pinang ketika itu adalah seperti berikut:

(i). Criterion Press

Syarikat percetakan yang diasaskan oleh seorang saudagar dari Fujian, China, bernama Lim Huan Chiam pada tahun 1883. Sebelum berhijrah ke Pulau Pinang, Lim Huan Chiam merupakan seorang saudagar China yang berjaya di Aceh sehinggalah meletusnya peperangan antara Aceh dengan Belanda. Criterion Press ditubuhkan di Pulau Pinang dengan dipimpin oleh anak kepada Lim Huan Chiam yang bernama Lim Seng Hui, dengan operasi syarikat percetakan beralamat di No. 230, Beach Street, Pulau Pinang. Antara percetakan awal yang diterbitkan ialah akhbar berbahasa Cina berjudul *Pinang Sin Poe* pada tahun 1894. Dalam *Malayan Directory of Commerce, Retailers & Residents* (1936: 297), ada tercatat nama syarikat percetakan Criterion Press yang beralamat di No. 1D, Penang Street.

Pada tahun 1898, Criterion Press menerbitkan pula sebuah akhbar berbahasa Melayu berjudul *Chahaya Pulau Pinang*. Ketua sidang pengarangnya dipimpin oleh Abdul Ghani bin Mohd. Kassim yang sebelum itu pernah berkhidmat dengan akhbar *Jawi*

Peranakan di Singapura. Isi kandungan akhbar lebih berpusat kepada berita-berita daripada Turki dan Mesir. Walau bagaimanapun, akhbar berkenaan merupakan suatu sumber bahan bacaan yang awal kepada pembaca-pembaca Melayu di Pulau Pinang ketika itu. Criterion Press juga banyak mencetak hikayat Melayu, antaranya termasuklah *Hikayat Cindur Mata* pada 8 Ogos 1904 (Proudfoot, 1993: 201) dan *Syair Nasihat Perempuan* hasil nukilan Tuan Syarifah Alawi binti Sayid Teh al-Habsyi pada 1903 (Proudfoot, 1993: 367). Salah satu kajian awal tentang sejarah Criterion Press dapat dibaca dalam tulisan Claudine Salmon (1986). Dalam kajiannya, Claudine Salmon (1986: 259-260) ada memetik tulisan A. Wright & H.A. Cartwright (1908) berjudul *Twentieth Century Impressions of British Malaya* yang berkaitan dengan Criterion Press seperti berikut:

The Criterion Press was started in the year 1883 as a commercial lithographic press, with a capital of only a few hundred dollars, by Mr. Lim Hua Chiam, a native of China, who had for many years made Pinang his home, and who has since been appointed headman of the Chinese Community in Pinang and a Justice of the Peace. Mr. Lim Hua Chiam entrusted the conduct of the business to his younger son, Mr. Lim Seng Hooi, under whose careful management the little concern prospered exceedingly. Machinery, printing type in all the principal languages of the Straits Settlements – English, Chinese, Malay and Tamil – and all the other accessories of an up-to-date press gradually acquired with the bulk of the profits were derived from the business, which continued to be a purely commercial press until the year 1894. In that year a Chinese daily paper, the *Pinang Sin Poe* was published, and four years later witnessed the birth of a Malay weekly, the *Chahayah Pulau Pinang* – two journals which to this day are the only Chinese and Malay newspaper, respectively, in the island.

As is generally the case nowadays when a private enterprise has achieved more than a fair measure of success, the Criterion Press was, in the year 1902, turned into a limited company, with Mr. Lim Seng Hooi as the managing director, the share-list receiving very strong support, especially from the Chinese.

(ii). Freeman Press

Sebuah syarikat percetakan yang dimiliki oleh Pawan Muhammad Syarif bin Haji Abdul Kadir di alamat No. 54 Acheen Street, Masjid Melayu, Pulau Pinang. Antara karya awal yang telah diterbitkan ialah *Hikayat Amir Hamzah* berasaskan salinan Haji Sulaiman bin Haji Salleh. Karya diterbitkan oleh Haji Abdul Rahman bin Muhammad Amin dan dicetak oleh Freeman Press pada bulan Mac 1896 (Proudfoot, 1993: 126). Syarikat ini

juga telah mencetak *Hikayat Ganja Mara* pada tahun 1897 (Proudfoot, 1993: 238). Buat masa ini, bangunan syarikat percetakan

(iii). Muhammadiyah Press

Syarikat percetakan yang terletak di Jalan Hutton, Pulau Pinang. Pada 1886 syarikat ini telah menerbitkan *Hikayat Ganja Mara* oleh Saudagar Putih bagi pihak Muhammad Zain bin Kerani Muhammad Hassan Kedah. Karya disalin oleh Muhammad Kassim bin Sidin dari Pulau Pinang (Proudfoot, 1993: 237).

(iv). Kim Seck Hean Press

Syarikat percetakan yang terletak di No. 78 Pinang Street, Penang. Antara karya yang telah dicetak ialah *Kisas al-Anbiya* oleh Ishak bin Ibrahim al-Naisaburi. Karya disalin oleh Haji Sulaiman Haji Salim dan cetakan oleh Kim Seck Hean Press pada Oktober 1897 (Proudfoot, 1993: 128). Dua buah hikayat berjudul *Hikayat Cendawan Putih* dan *Hikayat Indera Mengindera* pula dicetak pada tahun 1900. Kedua-dua hikayat tersebut adalah salinan cerita oleh Muhammad Yusuf Nasaruddin (Proudfoot, 1993: 197 & 272). Salah sebuah karya penting yang telah dicetak oleh syarikat ini pada tahun 1898 ialah *Hikayat Merong Mahawangsa* salinan Muhammad Yusuf Nasaruddin.

(v). Penang & Straits Press

Syarikat percetakan yang beralamat di No. 42, Beach Street, Penang. Antara karya yang telah dicetak ialah *Fatawa al-Kadah fi Ahkam al-Nikah* (1905) hasil tulisan Muhammad Said bin Umar Khatib dari Kedah. Karya dicetak bagi pihak kerajaan Kedah (Proudfoot, 1993: 231). Syarikat percetakan ini juga telah mencetak *Fath al-Rahman* bagi pihak Muhammad Ali bin Harun al-Hindi pada tahun 1903 (Proudfoot, 1993: 232). Pada 12 Februari 1898 mencetak *Majmu al-Fawaid* hasil susunan Syeikh Hasan bin Abdullah bin Ali al-Yamani (Proudfoot, 1993: 329). Sebuah lagi karya penting yang telah dicetak ialah

Risalat Hayy ibn Yakzan pada Rahsia Hikmat al-Masyrikiyah hasil nukilan Abu Ali bin Sina. Karya diterjemahkan oleh Ahmad Abdul Kadir bin Abdul Rahman dan dicetak pada tahun 1918 (Proudfoot, 1993: 254). Syarikat percetakan Penang & Straits Press turut mencetak *Salasilah atau Tawarikh Kerajaan Kedah* pada 1911. Penulis karya tersebut ialah Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib bin Wan Musa al-Syahid bin Temenggung Seri Raja (Proudfoot, 1993: 453).

(vi). Pinang Gazette Press

Mencetak *Pantun Melayu Dalam Majlis* pada 1908. Pada tahun 1928 Pinang Gazette Press mencetak buku *Early Penang* hasil tulisan V.W.W.W.S. Purcell. Sebuah lagi buku penting yang telah dicetak oleh Pinang Gazette Press pada 1925 berjudul *Penang in the Past* hasil tulisan seorang yang menamakan diri sebagai "Bookworm".

(vii). Mercantile Press

Syarikat percetakan yang dimiliki oleh K.M.S. Sinnathambi, beralamat di No. 29, Bishop Street, Pulau Pinang. Syarikat ini juga pernah beroperasi di alamat No. 36 Kuantan Road, Pulau Pinang. Dalam akhbar *Idaran Zaman* bertarikh 18 Jun 1925, halaman 12, terdapat sebuah iklan syarikat percetakan seperti berikut:

The Mercantile Press
Printers, Stationers & Book Binders,
29 Bishop Street, Penang

Sedia menerima segala pekerjaan cetak-mencetak daripada serba-serbi, seperti kitab-kitab majalah buku-buku sebagai mahkamah pekerjaan dan perniagaan dengan bahasa Melayu, Inggeris & Keling mengikut kehendak hati masing-masing. Jika berhajat silalah bertanya.

Pengarang: Mohd. Yunus Abdul Hamid

Antara penerbitan utama yang diusahakan oleh Mercantile Press ialah majalah *Malaya*, akhbar *Idaran Zaman*, majalah *Ar-Rajaa*, majalah *Dewasa* dan akhbar

Pemimpin Melayu. Novel Ahmad Rashid Talu yang berjudul *Iakah Salmah* (1928) adalah hasil cetakan Mercantile Press. Karya lain yang pernah diterbitkan ialah *Inilah Hikayat Salih Salihat*, terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu oleh Muhammad Zain ibn al-Haji Ibrahim. Cerita mengisahkan kezaliman seorang abang terhadap adiknya sehingga sanggup memotong kaki dan tangan adiknya. Majalah *Malaya* pula merupakan sebuah bahan bacaan yang mengandungi pelbagai maklumat tentang sosio-budaya dan ekonomi Melayu termasuk dalam hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan dan pengajaran agama.

Dewasa merupakan sebuah lagi majalah yang dicetak oleh Mercantile Press. Penerbitan majalah tersebut adalah di bawah Dewasa Publishing Co yang diketuai oleh Muhammad Yunus Abdul Hamid. Majalah mula diterbitkan pada tahun 1931 sebanyak dua kali seminggu (hari Isnin dan Khamis) dengan motto "Surat Khabar Bagi Perdamaian dan Kemajuan". Majalah mengandungi pelbagai berita, rencana, iklan dan ruangan cerita serta puisi. Alamat pejabat urusan ialah di No. 51 Kedah Road, Penang. Hampir setiap keluaran akhbar mempunyai satu ruangan khas yang menyiarkan gambar lukisan kapal yang sedang belayar dan diiringi dengan syair yang berkaitan dengan majalah *Dewasa*. Agak menarik pula, setiap syair adalah hasil kiriman pembaca yang datang dari tempat-tempat yang berbeza, seperti contoh berikut:

Dewasa (Bil. 1) 4 Januari 1932 (halaman 12): Syair kiriman Setia Melayu Kelab, Bidor, Perak

Dewasa (Bil. 5) 18 Januari 1932 (halaman 12): Syair kiriman Abdul Wahab, Cangkat Jering, Taiping, Perak.

Dewasa (Bil. 8) 25 Januari 1932 (halaman 12): Syair kiriman Illias, Bagan Datoh, Perak.

Dewasa (Bil. 9) 1 Februari 1932 (halaman 12): Syair kiriman Al-Haj Muhammad Illias, Parit Jamil, Muar, Johor.

Dewasa (Bil. 14) 25 Februari 1932 (halaman 12): Syair kiriman Jauhar Uthman, Sitiawan, Perak.

Dewasa (Bil. 16) 3 Mac 1932 (halaman 12): Syair kiriman Abdul Latif Haji Ismail, Kampung Darat, Teluk Belanga, Singapura.

Dewasa (Bil. 18) 10 Mac 1932 (halaman 10): Syair kiriman Ahmad Zaini Haji Muhammad Zin, Kelantan.

Dewasa (Bil.19) 14 Mac 1932 (halaman 10): Syair kiriman Yahya Hasan Manadi, Teluk Intan, Perak.

(viii). United Press

Syarikat percetakan yang diasaskan oleh Dabab bin Haji Muhammad Salleh pada tahun 1928, beralamat di No. 238, Dato Keramat Road, Pulau Pinang. Menerbitkan *Kitab Taman Pengetahuan dan Perjalanan bagi Ramai* (1927) hasil tulisan Dabab bin Haji Muhammad Salleh dan *Kamus Melayu* (1935) hasil tulisan Shamsuddin bin Muhammad Yunus (Md. Sidin Ahmad Ishak, 1998: 188-189). Pada tahun 1932, United Press telah diambilalih oleh Shamsuddin bin Muhammad Yunus. Kemudian syarikat tersebut diambilalih pula oleh Abdullah bin Muhammad Noordin al-Rawi. Banyak mencetak kitab, akhbar dan majalah, termasuk majalah *Warta Penang*. Masih beroperasi hingga sekarang khususnya mencetak buku-buku agama dan kesusasteraan penerbitan Syarikat Haji Abdullah bin Muhammad Noordin ar-Rawi, beralamat di No. 55 Acheen Street, Pulau Pinang. Dalam akhbar *Dewasa* bertarikh 12 Januari 1932, halaman 7, terdapat sebuah iklan daripada United Press seperti berikut:

Hikayat-Hikayat Baru

Encik Dibab bin Haji Muhammad Salleh (United Press) mengirimi kita dua buah hikayat baru iaitu satu bernama Hikayat Kehidupan Percintaan, tebalnya 84 muka tercap di atas kertas putih halus, dan kedua yang dinamakan Hikayat Korban Kesedihan atau Buat Baik Dibalas Jahat, tebalnya 43 muka, berhias gambar-gambar tercap di atas kertas kasar, iaitu suatu cerita yang dikatakan terjadi di tanah Jawa.

Tuan-tuan yang berhajat silalah berkira kepada penerbitnya:

Encik Dibab bin Haji Muhammad Salleh
248 Dato Keramat Road
Pinang.

(ix). Bersama Press

Syarikat percetakan milik Tuan Haji Sulaiman Rawa (Haji Sulaiman ar-Rawi) pada 1930. Kemudian syarikat percetakan tersebut diambilalih oleh warisnya Haji Muhammad Idrus Sulaiman ar-Rawi dan seterusnya Muhammad Ali bin Muhammad Idrus Sulaiman ar-Rawi pada 1 Oktober 1934 (Md. Sidin, 1998: 186 & 210). Syarikat percetakan terletak di No. 83, Acheen Street, Pulau Pinang. Sekarang, bangunan asal Bersama Press telah disewa oleh Sulaiman Press, dengan alamat baru di No. 85, Acheen Street, Pulau Pinang.

Antara percetakan terawal Bersama Press ialah sebuah majalah berjudul *Bahtra* yang telah diterbitkan pada 1 Januari 1931 di bawah suntingan Othman Kalam. Pada tahun 1932, pengurusan penerbitan *Bahtera* terletak di bawah kelolaan Ahmad bin Muhammad Rashid Talu (Md. Sidin, 1998: 216). Bahan percetakan lain yang telah dihasilkan termasuklah akhbar *Dewasa*, majalah *Pedoman Islam*, majalah *Persahabatan*, majalah *Al-Islam*, majalah *Suara Qalam* dan majalah *Lidah Persaudaraan*. Pada halaman terakhir sebuah buku berjudul *Tarikh Perjalanan Siti Aisyah*, cetakan Bersama Press, terdapat sedikit keterangan tentang Bersama Press oleh pengurusnya. Keterangan tersebut adalah seperti berikut:

Matbaah Bersama

Satu tempat cap yang baharu jadi di dalam Pulau Pinang.

Matbaah ini dikerja dan dikemudikan anak Melayu belaka, pekerjaan selalu baik. Pada menyaksikan kebagusannya, lihatlah berapa banyak buku-buku yang telah terkeluar dari Matbaah ini, demikian juga berapa banyak upahan kecil-kecil yang telah diterima memuasi benar bagi yang mengupahnya, apatah pula mengecap yang lain. Walaupun baharu sahaja terdiri gudang cap ini, tetapi upahan mengecap buku-buku cerita belum pernah lagi melewati janji atau menyalahi kemahuan yang empunya. Cerita yang telah dicap di Matbaah ini sebagai saksi ialah seperti yang tersebut di bawah:

Buku-Buku Cerita:

Lelehan Air Mata

Rahsia Kemudaan

Asuhan Kesihatan

Kleopatra, Nafsu Kehidupan

Lima Kali Bersuami

Setia Kasih

“Manager: Bersama Press, Penang”

Salah sebuah majalah yang tidak kurang pentingnya hasil percetakan Persama Press ialah *Suara Qalam*. Majalah tersebut mula diterbitkan pada tahun 1936, penerbitan sebulan sekali, mengandungi kira-kira 24 halaman, dan diterbitkan oleh Abdul Wahab Zain dengan motto majalah sebagai “Qalam itu terlebih tajam daripada pedang”. Pejabat operasinya ialah di No. 81B, Acheen Street, Pulau Pinang. Isi kandungan majalah terdiri daripada pelbagai berita, rencana, iklan perniagaan dan juga halaman cerita dan puisi. Dalam keluaran *Suara Qalam* pada bulan November 1936 (halaman 20) terdapat iklan syarikat tersebut yang boleh melakukan kerja-kerja terjemahan bahasa seperti berikut:

Dengan segala hormat dimaklumkan kepada tuan-tuan, kita sanggup menterjemah naskhah-naskhah atau buku-buku cerita Arab ke bahasa Melayu atau Melayu ke bahasa Arab. Demikian bahasa Inggeris ke Melayu atau Melayu ke Inggeris, dengan upahan yang sangat berpatutan. Tuan-tuan yang berhajat silalah berunding dengan *Suara Qalam*.

Persama Press turut mencetak salah sebuah karya Syeikh Ahmad Patani yang terkenal berjudul *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* pada tahun 1935. Kemunculan Patani sebagai sebuah pusat pengajian agama sekitar awal abad ke-19 yang lalu telah melahirkan ramai tokoh ulama yang berjasa besar dalam perkembangan syiar Islam di Alam Melayu. Antara tokoh tersebut termasuklah Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Patani (1856-1908) atau lebih dikenali dengan nama Syeikh Ahmad Patani. Ketokohan Syeikh Ahmad Patani sebagai ulama terbukti melalui tidak kurang daripada tiga belas buah kitab berbahasa Melayu dan sepuluh buah kitab berbahasa Arab karangannya yang telah ditemui sehingga kini. Isi kandungan sebahagian besar daripada kitabnya adalah berkaitan dengan persoalan tafsir Quran dan Hadis, usuluddin, fikah, tasawuf dan nahu bahasa Arab. Dalam kitab *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin* beliau turut membicarakan beberapa persoalan yang berkaitan dengan sejarah, politik dan adab pemerintahan raja-raja Melayu.

(x). Jelutong Press

Syarikat percetakan milik Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi (1867-1934), diasaskan pada tahun 1927, beralamat di No. 555, Jelutong Road, Pulau Pinang. Pada halaman kulit *Al-Ikhwan* bertarikh 16 Julai 1928 (Jilid yang kedua) terdapat sebuah iklan syarikat percetakan Jelutong Press seperti berikut:

The Jelutong Press
Printers Stationers, Book-Binders and Rubber Stamp Makers.
555 Jelutong Road, Penang.

Sedia menerima upahan mencetak surat-surat dan kitab-kitab dengan huruf Istanbul berbaris dan tidaknya dan kad-kad jempukan serta memperbuat cap getah rubber stamp semuanya kita ambil dengan harga yang berpatutan.

Antara bahan cetakan Jelutong Press yang utama termasuklah majalah *Al-Ikhwan*, *Saudara*, majalah *Al-Hikmah*, majalah *Cherita*, dan majalah *Dewan Pergaulan*. Majalah *Al-Ikhwan* misalnya merupakan sebuah bahan bacaan yang sangat terkenal dan penting dalam sejarah penerbitan di Pulau Pinang. Majalah tersebut mengandungi pelbagai perkara yang menyentuh pembangunan minda dan keperibadian masyarakat Melayu khususnya daripada tulisan Syed Syeikh al-Hadi dan Za'ba. Jelutong Press turut mencetak sebuah majalah yang khusus memberi penekanan terhadap penulisan bahan-bahan sastera berjudul *Cherita*, terbitan Pen Publishing Co yang berpejabat di No. 5E East Jelutong, Penang. Majalah mula diterbitkan pada tahun 1938 dan dipimpin oleh Mohd. Ariffin Ishak (Pengarang) dan Aminah Abdul Jalil (Pengurus). Misalnya, dalam keluaran *Cherita* (Bilangan 5) mengandungi isi seperti berikut:

1. *Sengsara Membawa Perjudohan* oleh Mahmud Ahmad
2. *Raja Yang Takbur* oleh Shamsuddin Muhammad Yunus
3. *Pencuri Yang Licin* oleh Haji Qasim Adam al-Rembawi
4. *Pengaruh Tamadun Barat* oleh 'Aman
5. *Salah Pandang Kerana Pakaian* oleh Pemimpin
6. *Ibu Tiri* oleh Muhiddin Aini
7. *Malam Perempuan* oleh Abdullah Thani Raja Kecil (Ipoh)
8. *Pearl S. Buck* oleh Aminah Abdul Jalil

Jelutong Press turut aktif dalam penerbitan buku. Antara buku yang telah dicetak termasuklah *Angan-Angan Kehidupan* (1929) dan *Cetera Rokambul* karangan Syed Syeikh al-Hadi. Jelutong Press juga telah mencetak sebuah karya sejarah Kedah yang sangat penting berjudul *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* pada 7 haribulan Rabiul Awal 1347 (1928). Karya tersebut hasil tulisan Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, seorang pengarang yang berkhidmat di istana Kedah. Jelutong Press turut menerbitkan karya-karya terjemahan. Misalnya, pada tahun 1348H, syarikat tersebut telah mencetak karya *Inilah Hikayat Peperangan Gharib dan Ajaib*, sebuah terjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu oleh Muhammad Zain ibn al-Haji Ibrahim.

(xi). Commercial Press

Syarikat percetakan yang terletak di Chulia Street. Mulai tahun 1938, Commercial Press telah diambilalih oleh Syeikh Abdullah al-Maghribi, seorang mudir dan guru agama Madrasah Al-Huda al-Dinniyah (terletak di 538, Jalan Dato Keramat, berhadapan dengan Stadium Pulau Pinang sekarang). Nama Commercial Press kemudian ditukar kepada Al-Huda Press. Pejabat percetakan kemudian dipindahkan ke Penang Street (berhampiran Padang Kota Lama). (Abdullah Hussain, 1984: 137 & 182).

(xii). British-Malaya Press

Syarikat percetakan milik Syed Abdul Rahman bin Muhammad al-Habshi. Pernah mencetak majalah *Al-Ikhwān* sebelum diambilalih oleh percetakan Jelutong Press. Antara karya yang telah dicetak ialah *Nazam Ayunan Dua Lagu Buat Hendak Mengayun Kanak-Kanak Yang Baharu Jadi* hasil karangan Kulung Abdul Majid bin Busu Abdul Rahim. Nazam dicetak pada 20 Januari 1929 atas pembiayaan Haji Abdullah bin Muhammad Nuruddin ar-Rawi.

(xiii). Penang Premier Press

Syarikat percetakan yang beralamat di No. 34, Beach Street, Penang. Tuan punya syarikat percetakan bernama Khoo Saik Inn. Antara karya yang telah dicetak ialah *Natijat al-Umar* (1936) hasil tulisan Muhammad Tahir Jalaluddin.

(xiv). C. Dabab & Company

Diasaskan oleh Dabab bin Haji Muhammad Salleh. Menerbitkan majalah *Dunia Melayu* pada 1927 (Md. Sidin Ahmad Ishak, 1998: 188).

(xv). National Press

Syarikat percetakan beralamat di No. 269 & 271, Beach Street, Penang.

(xvi). Royal Printing Work

Syarikat percetakan beralamat di No. 45, Penang Street, Penang. Banyak menerbitkan karya keluaran Haji Abdullah bin Muhammad Noordin al-Rawi, beralamat di No. 59, Acheen Street, Pulau Pinang. Antara karya yang telah dicetak ialah *Syair Khabar Kiamat* dan *Inilah Tiga Hikayat*.

(xvii). Al-Zainiyah Press

Syarikat percetakan yang beralamat di No. 98 Pitt Street, Penang, milik Haji Muhammad Zain. Banyak menerbitkan bahan bacaan agama di Pulau Pinang. Antara pengarang yang terkenal ialah Muhammad Tahir Jalaluddin. Salah sebuah buku yang dicetak ialah *Memilih Jodoh* tulisan Ahmad bin Abdullah. Dalam sepucuk surat rasmi syarikat percetakan Al-Zainiyah bertarikh tahun 1929, terdapat catatan tentang orientasi syarikat seperti berikut: "Pekarangan dan Percetakan Dari Serba Jenis Kitab-Kitab Arab dan Melayu".

(xviii). Percetakan Sahabat

Pejabat terletak di Penang Street, Pulau Pinang. Menerbitkan akhbar *Sahabat* mulai tahun 1939 di bawah pimpinan Mohd. Tamim bin Sutan Deman. Para pengarang terdiri daripada Syed Ahmad bin Sheikh, Ahmad Noor Abdul Shukor (Adnan al-Fikri) dan Mohd. Samin Tayeb. Pada muka hadapan akhbar tercatat kata-kata: "*Sahabat: The people's Newspaper published every Monday, Wednesday and Friday*". Merupakan salah sebuah akhbar yang banyak diterbitkan di Pulau Pinang pada awal tahun 1940-an. Misalnya, keluaran akhbar bertarikh 1 & 4 November 1940 telah mencapai bilangan keluaran yang ke-110 & 111. Sementara keluaran akhbar bertarikh 22 & 25 Oktober 1941 telah mencapai bilangan keluaran yang ke-104 & 105. Kandungan akhbar meliputi pelbagai bentuk berita, rencana, iklan perniagaan dan beberapa halaman sastera. Antara pengarang yang berkarya dalam akhbar *Sahabat* ialah Abdullah Hussain. Karya pertama yang diterbitkan ialah sebuah cerpen berjudul "Binti Penghulu" yang disiarkan dalam *Sahabat* pada bulan Ogos 1939. Ketika itu Abdullah Hussain baru berumur 19 tahun. Kemudian diikuti dengan cerita bersiri berjudul "Harta dan Jodoh Menanti di England" yang disiarkan dari 10 Januari hingga 29 Mac 1940 (Abdullah Hussain, 2000: 308). Menurut catatan Abdullah Hussain (2000: 308), pejabat syarikat Percetakan Sahabat telah musnah dibom oleh tentera Jepun semasa pendudukan Jepun tahun 1942.

(xix). Phoenix Press

Sebuah syarikat percetakan yang terkenal di Pulau Pinang sekitar tahun 1930-an hingga 1940-an beralamat di No. 6, Church Street, Pulau Pinang. Antara hasil cetakan yang utama ialah akhbar berbahasa Tamil berjudul *Desa Nesan* dan majalah berbahasa Melayu berjudul *Suara Malaysia*. Majalah *Suara Malaysia* merupakan sebuah majalah yang dicetak dalam tulisan rumi (roman) oleh penerbitan Lembaga Pustaka Melayu di bawah pimpinan pengarang M. Samin Tayeb. Akhbar diterbitkan mulai tahun 1939. Dalam

keluaran *Suara Malaysia* yang ke-5 (8 Jun 1939, halaman 24) terdapat sebuah iklan syarikat perniagaan Phoenix Press seperti berikut:

Phoenix Press, 6 Church Street, Penang.

Menerima perhitakkan: Huruf Jawi, Huruf Tamil, Huruf Roman.

Kerja chepat, Bersih dan sempurna,

Harga melawan.

Sanggup menchitak buku-buku, surat-surat khabar, majallah-majallah, catalogues, kalendar dan sebagainya.

Boleh membikin block dan rubber-stamp dari getah atau tembaga

Pendek, segala macham perkara chap dan chitak menchitak boleh dikerjakan.

Surat khabar "Dhesa Nesan" huruf Tamil dan majallah "Suara Malaysia" di chap pada press kita.

Ini suatu tanda pekerjaan kita senantiasa sempurna. Silalah berhubung dengan kita!

Antara majalah yang telah diterbitkan di Pulau Pinang sebelum Perang Dunia Kedua, majalah *Suara Malaysia* agak unik sifatnya. Nama majalah itu sendiri memperlihatkan suatu keistimewaan. Sebagaimana yang diketahui, nama "Malaysia" digunakan secara rasmi pada 1963. Sebelum itu, negara ini lebih dikenali dengan nama "Malaya". Pemilihan nama "Suara Malaysia" bagi majalah keluaran Phoenix Press pada tahun 1939 tersebut merupakan sesuatu yang "baru" ketika itu. Penerbitan *Suara Malaysia* pula menggunakan tulisan rumi sepenuhnya.

(xx). Al-Huda Press

Diasaskan oleh Syeikh Abdullah al-Maghribi, seorang mudir dan guru agama Madrasah Al-Huda al-Dinniah yang terletak di Dato Keramat. Pejabat percetakan terletak di Penang Street (berhampiran Padang Kota Lama). Antara bahan cetakan al-Huda Press yang utama ialah akhbar *Sahabat* (1938), *Bumiputera* (1933) dan majalah *Siasat* (1939). Sebahagian besar daripada penulis dalam *Sahabat* ialah dari kalangan anggota PASPAM (Persaudaraan Sahabat Pena Malaya). Pada muka hadapan akhbar tercatat kata-kata: "*Sahabat*: The people's Newspaper published every Monday, Wednesday and Friday". Akhbar *Bumiputera* pula diterbitkan secara harian dengan slogan "Mengandungi

Perkhabaran, Perdamaian, Fikiran Kemajuan Melayu, Kebangsaan dan Politik". Anggota sidang pengarang terdiri daripada Abdul Wahab Abdullah dan Othman Kalam.

PERBINCANGAN

Terdapat beberapa faktor utama yang mendorong kemunculan Pulau Pinang sebagai bandar percetakan awal negara. Selain Singapura, Pulau Pinang merupakan salah sebuah Negeri-Negeri Selat yang maju dan berkembang pesat, sehingga menjadi sebuah bandar dagang yang kosmopolitan dan moden. Sebagai sebuah bandar moden dan agak "bebas" daripada naungan raja-raja, penyebaran maklumat yang cepat dan sistematik adalah sangat diperlukan, khusus dalam memudahkan urusan pentadbiran pihak Inggeris. Dalam hal ini, usaha para pegawai Inggeris seperti A.B. Bone, B.C. Henderson, William Cox, dan Norman Macalister, dalam memulakan kegiatan penerbitan akhbar dan bahan cetakan berbahasa Inggeris ada kaitannya dengan perjalanan pentadbiran Inggeris itu sendiri. Usaha tersebut kemudian telah diteruskan pula oleh Thomas Beighton dengan penerbitan bahan bacaan berbahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, kegiatan orang Inggeris dalam bidang penerbitan dan percetakan di Pulau Pinang tidak kekal lama. Sebahagian daripada mereka telah menutup operasi dan menjualkan alat percetakan atau membawanya ke negara lain. Dari satu segi, penutupan operasi percetakan Inggeris telah membantutkan perkembangan institusi percetakan yang baru bermula di Pulau Pinang. Dari satu segi yang lain, ketiadaan pengusaha Inggeris telah mendorong kemasukan para pengusaha syarikat percetakan dan penerbit dari luar Tanah Melayu ke Pulau Pinang. Institusi percetakan yang telah dimulakan oleh orang Inggeris kini beralih tangan kepada pengusaha Cina, India dan masyarakat tempatan sendiri. Suatu contoh yang jelas tergambar dalam sejarah penubuhan Criterion Press. Syarikat percetakan tersebut telah diasaskan oleh seorang

saudagar dari Fujian, China, bernama Lim Huan Chiam pada tahun 1883. Sebelum berhijrah ke Pulau Pinang, Lim Huan Chiam merupakan seorang saudagar China yang berjaya di Aceh sehinggalah meletusnya peperangan antara Aceh dengan Belanda.

Penglibatan saudagar Cina dan India dalam percetakan bahan bacaan Melayu yang awal sangat menarik diberi perhatian di sini. Misalnya, Criterion Press yang menerbitkan akhbar *Chahaya Pulau Pinang* dan mencetak *Hikayat Cindur Mata* (1904) serta *Syair Nasihat Perempuan* (1903) adalah dimiliki oleh tauke Cina. Demikian juga pemilik Kim Seck Hean Press yang banyak mencetak bahan bacaan Melayu termasuk *Kisas al-Anbiya* (1897), *Hikayat Cendawan Putih* (1900), *Hikayat Indera Mengindera* (1900) dan sebuah karya sastera sejarah penting negeri Kedah berjudul *Hikayat Merong Mahawangsa*. Sementara pemilik Mercantile Press pula adalah seorang India bernama K.M.S. Sinnathambi turut terlibat mencetak beberapa buah akhbar dan majalah Melayu di Pulau Pinang. Hal ini menggambarkan bahawa perkembangan awal institusi percetakan di Pulau Pinang antara lain adalah atas dorongan daripada saudagar Cina dan India yang besar kemungkinan atas tujuan perniagaan tetapi dalam masa yang sama turut berfikiran "terbuka" dalam menerbitkan bahan bacaan bahasa dan sastera Melayu.

Kemajuan Pulau Pinang turut menjadi tarikan kepada kemasukan pengarang dan penerbit yang berpengalaman dari Sumatera. Misalnya, kedatangan Muhammad Yunus bin Abdul Hamid dari Langkat, Sumatera, telah memainkan peranan penting dalam kemajuan percetakan di Pulau Pinang. Sebelum datang ke Pulau Pinang, beliau telah berpengalaman luas selaku pengarang dan penerbit beberapa buah akhbar dan majalah di Sumatera. Semua pengalaman ini telah memberi kesan sewaktu beliau menjadi pengarang majalah *Idaran Zaman* (cetakan Mercantile Press), majalah *Malaya* (cetakan Mercantile Press), majalah *Dewasa* (cetakan Mercantile Press), majalah *Persahabatan* (cetakan Persama Press) dan majalah *Lidah Persaudaraan* (cetakan Persama Press).

Menurut catatan Saleh Osman (1984: 21), di bawah kelolaan Muhammad Yunus, edaran akhbar *Idarah Zaman* telah meningkat daripada 1000 naskhah pada 1925 kepada 1500 naskhah pada tahun 1927. Tokoh pengarang dan penerbit lain yang datang dari Sumatera ialah pemilik United Press iaitu Muhammad Ali bin Muhammad al-Rawi dan Abdullah bin Noordin al-Rawi.

Selanjutnya, penubuhan United Press dan Persama Press telah memainkan peranan penting dalam perkembangan kawasan Acheen Street (Lebuh Aceh) sebagai "pusat" operasi syarikat percetakan di Pulau Pinang. Dari Lebuh Aceh, telah lahir beberapa buah akhbar dan majalah utama ketika itu seperti *Warta Penang*, *Dewasa*, *Suara Qalam*, *Bahtra* dan *Persahabatan*. Di Lebuh Aceh juga berkumpulnya ramai pengarang yang terkenal dengan pelbagai corak penulisan dan gagasan pemikiran termasuk para pengarang yang telah menimba pengalaman di Sumatera, Singapura dan Timur Tengah. Malah, kewujudan beberapa buah syarikat percetakan di sepanjang Lebuh Aceh menawarkan pelbagai kemudahan prasarana dan mobiliti tenaga kerja dalam operasi percetakan dan penerbitan ketika itu. Kepentingan Lebuh Aceh, khususnya melalui United Press dan Persama Press, tergambar melalui statistik hasil kajian Md. Sidin Ahmad Ishak (1998: 127-128) seperti berikut:

% drp. Jumlah seluruh tajuk	Penerbitan
7.1	Muhammad Ali al-Rawi
4.7	Biro Terjemahan (SITC)
2.9	Ahmadiyah Press (Singapura)
2.1	Abdullah Nurdin al-Rawi
2.8	Sentosa Stor
2.1	Qalam Publishers
1.7	P.Bm.P.B
1.8	Methodist Mission
1.4	C. Dabab & Co.
1.0	Peranakan Book Boy

Statistik: Sepuluh penerbit utama

% drp. Jumlah seluruh tajuk	Penerbit
13.2	Persama Press
7.3	United Press
5.7	Ahmadiyah Press (Singapura)
4.2	Malay Press (Singapura)
3.7	Malaya Publishing House
2.8	Jelutong Press
2.8	Jawi Press
2.3	Khai Sing Press
2.3	Jamiliah Press
2.1	Muhammadiyah Press
2.1	Mercantile Press
1.9	Zainiah Press
1.3	Royal Press
1.3	Printers Limited
1.2	Annie's Printing Works (Johor)
1.1	Asasiah Press
1.0	Malaya Sings Press
1.0	Aminiah Press
1.0	Al-Huda Press
0.8	Sungai Ujong Press

Statistik: Dua puluh pencetak utama

Selain daripada penerbitan buku, sumbangan yang lebih utama daripada institusi percetakan awal di Pulau Pinang adalah dalam aspek penerbitan dan percetakan akhbar dan majalah. Boleh dikatakan, akhbar dan majalah merupakan dua media penting yang menjadi asas operasi institusi percetakan yang awal di Pulau Pinang. Antara tahun 1894-1940 terdapat puluhan judul akhbar dan majalah yang telah diterbitkan. Dalam konteks sejarah sastera, akhbar dan majalah yang awal di Pulau Pinang telah memberi sumbangan dalam kelahiran beberapa buah cerpen daripada penulis Pulau Pinang. Penulis-penulis yang menulis cerpen pula terdiri daripada Muhammad Ariffin Ishak, Muhammad Nur Ahmad, Md. Isa Haji Hassan, Gustam Negara, Borhan Jamil, Yusuf Adil dan beberapa orang yang lain. Keseluruhan bilangan cerpen yang telah disiarkan terdapat dalam catatan Hashim Awang di dalam bukunya *Cerpen-Cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia*

Kedua: Satu Analisa Tentang Tema dan Struktur, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1975: 273-274) seperti berikut:

Cerpen Tahun 1920-an	Bilangan
<i>Panduan Guru</i>	7
<i>Malaya</i>	2
<i>Al-Ikhwān</i>	2
<i>Al-Rajaa</i>	1

Cerpen Tahun 1930-an	Bilangan
<i>Bumiputera</i>	17
<i>Al-Hikmah</i>	7
<i>Al-Ikhwān</i>	6
<i>Bahtra</i>	2
<i>Pemimpin Melayu</i>	2
<i>Suara Qalam</i>	1
<i>Persahabatan</i>	1

Ringkasnya, kewujudan pelbagai institusi percetakan di Pulau Pinang telah memberi kesan dalam kelahiran beberapa buah akhbar dan majalah yang berpengaruh ketika itu termasuk dalam menyediakan ruangan khusus tentang persoalan bahasa dan sastera. Seandainya masyarakat di Singapura berbangga membaca bahan kesusasteraan melalui akhbar *Jawi Peranakan* dan majalah *Al-Imam*, masyarakat di Pulau Pinang pula tidak kurang mendapat manfaat daripada akhbar atau majalah yang telah dihuraikan di atas. Antara akhbar dan majalah yang beroperasi di Pulau Pinang ketika itu dapat diringkaskan dalam senarai berikut:

JUDUL	PENGARANG	PENCETAK	TAHUN
Tanjung Penegeri (akhbar)	Kadar Sahib	Tidak diketahui	1894
Pemimpin Warta (akhbar)	Tidak diketahui	Tidak diketahui	1895
Chahaya Pulau Pinang (akhbar)	Abdul Ghani Mohd. Kassim	Criterion Press	1898
Lingkungan Bulan (akhbar)	Mohd. Ali Harun al-Hindi	Tidak diketahui	1900
Bintang Timur (akhbar)	Abdul Ghani Mohd. Kassim	Tidak diketahui	1900
Panduan Guru (majalah)	Guru-Guru Pulau Pinang	Tidak diketahui	1922
Arrajaa (majalah)	Madrasah al-Mashoor	Merchantile Press	1925
Idaran Zaman (akhbar)	Mohamad Yunus Abdul Hamid	Mercantile Press	1925
Suara Melayu (akhbar)	Abdul Rahman Jamaluddin	Tidak diketahui	1926
Malaya (majalah)	Mohd. Yunus Abdul Hamid	Mercantile Press	1926
Al-Ikhwān (majalah)	Syed Sheikh Ahmad al-Hadi	Jelutong Press	1926
Dunia Melayu	Dibab Haji Mohd. Salleh	C.Dabab & Co.	1927

Saudara (akhbar)	Syed Sycikh al-Hadi	Tidak diketahui	1928
Warta Penang (majalah)	Haji Abdul Aziz	United Press	1929
Chahaya Timur (majalah)	Othman Kalam	Tidak diketahui	1930
Dewasa (majalah)	Muhd. Yunus Abd. Hamid	Mercantile Press	1931
Bahtra (majalah)	Othman Kalam	Persama Press	1931
Bumiputera (akhbar)	Othman Kalam	Commercial Press	1933
Pemimpin Melayu (akhbar)	Omar Khan	Mercantile Press	1933
Berita Sekolah (akhbar)	Ashaari Mohd. Isa	Tidak diketahui	1934
Pedoman Islam (majalah)	Haji Abdul Aziz	Persama Press	1935
Al-Hikmah (majalah)	Tidak diketahui	Jelutong Press	1935
Wihdatul Madaris (majalah)	Sheikh Mohd. Hussain Rafee	Tidak diketahui	1935
Persahabatan (majalah)	Mohd. Yunus Abdul Hamid	Persama Press	1936
Al-Islam (majalah)	Yusof Ahmad Lubis	Persama Press	1936
Suara Qalam (majalah)	Abdul Wahab Zain	Persama Press	1936
Lidah Persaudaraan (majalah)	Mohd. Zain Haji Ibrahim	Persama Press	1937
Paspam (majalah)	Mohd. Ariffin Ishak	Tidak diketahui	1938
Cherita (majalah)	Mohd. Ariffin Ishak	Jelutong Press	1938
Sahabat (akhbar)	Syed Ahmad Sheikh	Al-Huda Press	1939
Suara Malaysia (majalah)	Mohd. Samin Tayeb	Phoenix Press	1939
Siasat (majalah)	Haji Abd. Aziz Sheikh Rahmat	Al-Huda Press	1939
Dewan Pergaulan (majalah)	Aman Shah Bukhari	Jelutong Press	1940
Kesatuan Melayu Negeri Selat	Abdul Majid Abdul Hamid	Persama Press	1940

Institusi percetakan tidak hanya memainkan peranan dari segi menerbit dan mencetak bahan bacaan tetapi dalam masa yang sama turut memberi sumbangan dalam kelahiran tokoh pengarang bahasa dan sastera. Kemunculan Pulau Pinang sebagai pusat perkembangan bahasa dan sastera pada awal abad ke-20 berhubungkait dengan kelahiran ramai pengarang ketika itu dan sebahagian besar daripada mereka terlibat secara langsung dengan dunia penerbitan atau percetakan. Kemudahan dalam penerbitan karya menjadi pendorong dalam kegiatan penulisan. Nama-nama pemilik syarikat percetakan, penerbit atau pengarang seperti Syed Sycikh al-Hadi, Sycikh Abdullah al-Maghribi, Ahmad Rashid Talu, Mohamad Yunus Abdul Hamid, Othman Kalam, Za'ba, Abdul Rahim Kajai dan lain-lainnya adalah juga tokoh-tokoh penulis yang awal di Pulau Pinang. Mereka merupakan pengarang yang berfikiran moden, terdedah dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan pemikiran kritis, justeru menjadi agen kepada perubahan minda masyarakat. Di tangan para pengarang ini, bahasa Melayu telah diangkat ke tahap yang

tinggi, menyampaikan makna dengan halus dan indah, seperti tergambar dalam tulisan Ahmad Rashidi yang tersiar dalam *Bahtra* bertarikh 8 Januari 1932 (halaman 1) berikut:

Bahwasanya demikianlah kata arif 'adapun manikam itu jikalau ia jatuh ke dalam lembah sekalipun tiadalah akan hilang cahayanya'. Demikianlah bangsa kita itu pun jika sekiranya daripada nenek moyangnya itu bangsawan atau kenamaan, tak dapat tiada turun-temurun kepada anak cucunya itu pun tiadalah membuang baqanya dan jika ada ia mengembara sekali pun disebut orang juga akan bangsanya, demikian kata perumpamaan Melayu 'mustahillah nagka itu akan meninggalkan getahnya.'

Dan tanda bangsatwan itu, usahkan orang yang memang dengan dia, jika dengan sekali kita bertemu atau bertutur dengan dia, tak dapat tiada diketahuilah oleh orang yang menilik akan dia, dan pada ketika itu menunjuklah ia akan bangsanya, terkadang-kadang alamatnya daripada pertuturan atau pada kelakuannya, demikianlah perkara kedua yang tersebut itu sangatlah jauh perbezaannya laksana di dalam campuran kaca-kaca dengan manikam lakunya.

Akan tetapi 'kemuliaan itu dengan akal dan adab, dan bukannya dengan asal atau keturunan' kerana semulia-mulia keturunan itu perangai yang baik dan semulia-mulia bangsa itu adab yang baik.

Ketokohan Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi selaku seorang pengarang dan penganjur pemikiran moden Islam turut memeriahkan suasana penerbitan dan percetakan bahan bacaan di Pulau Pinang. Cetusan pemikiran modennya banyak diutarakan dalam akhbar *Al-Ikhwān* dan *Saudara*. Di samping menulis dalam akhbar dan majalah, Syed Syeikh turut mengarang novel terjemahan daripada bahasa Arab. Kejayaannya menubuh syarikat percetakan Jelutong Press telah menaikkan lagi kemasyhuran namanya dalam kalangan masyarakat. Novel terjemahan yang diusahakannya rata-rata melebihi 500 halaman tetapi masih tetap menarik perhatian pembaca di seluruh Tanah Melayu. Kemungkinan juga kedudukan Syed Syeikh al-Hadi selaku Guru Besar yang pertama Madrasah al-Mashoor (1918) turut mempengaruhi kepopularan hasil-hasil tulisannya dalam kalangan masyarakat. Suatu contoh nyata tentang sambutan hebat masyarakat terhadap bahan bacaan tergambar melalui percetakan dan penjualan novel *Hikayat Faridah Hanum* (1925) yang telah diulang cetak dalam beberapa jilid. Sambutan hebat masyarakat terhadap novel telah memberi keuntungan besar kepada Syed Syeikh al-Hadi sehingga membolehkan beliau menubuhkan Jelutong Press (rujuk Alijah Gordon, 1999:

80). Sesungguhnya, kekuatan peribadi Syed Syeikh al-Hadi sebagai seorang pengarang dan tokoh masyarakat telah memberi sumbangan besar dalam kemajuan institusi percetakan di Pulau Pinang. Antara novel terjemahan hasil nukilannya ialah:

- i. *Angan-Angan Kehidupan* (The Moral Trainer) Karangan Al-Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi, dicap oleh The Jelutong Press, 1929. Buku terdiri daripada 604 halaman.
- ii. *Cetera Rokambul dengan melawan kaum al-nur atau Peperangan di antara kebajikan dengan kejahatan di dalam kehidupan manusia* (Penggala yang pertama). Karangan Al-Syed Syeikh bin Ahmad al-Hadi. Cetakan oleh The Jelutong Press. Buku terdiri daripada 508 halaman.

Sementara itu, percetakan novel-novel yang dihasilkan oleh Ahmad Rashid Talu pula telah dilakukan melalui beberapa buah syarikat percetakan yang berbeza. Antaranya, novel *Kawan Benar* diterbitkan sendiri oleh Ahmad Rashid Talu sementara novel *Iakah Salmah?* telah dicetak oleh Mercantile Press. Terdapat juga novelnya yang telah dicetak oleh Persama Press dan United Press. Sama seperti sambutan masyarakat terhadap Syed Syeikh al-Hadi, novel *Iakah Salmah?* nukilan Ahmad Rashid Talu yang bertemakan kemajuan dan pemodenan hidup itu, termasuk dalam hal yang berkaitan dengan kebebasan wanita, turut mendapat sambutan hebat daripada masyarakat selaras dengan arus pemodenan pemikiran yang sedang melanda Pulau Pinang ketika itu. Penerbitan novel tersebut telah memberi sumbangan besar ke arah kecintaan masyarakat terhadap bahan bacaan berbahasa Melayu yang bernada kritis. Keseluruhan penerbitan karya Ahmad Rashid Talu dapat diringkaskan seperti berikut:

1. *Kawan Benar*. 1927. (Penerbit tidak diketahui).
2. *Iakah Salmah?*. 1928. Pulau Pinang. Ahmad Abdul Rahman & Co.
3. *Dua Belas Kali Sengsara*. 1929. Pulau Pinang. Ahmad Abdul Rahman & Co / Muhammad Ali Bin Muhammad Ar-Rawi / Haji Abdullah bin Noordin ar-Rawi.
4. *Siapa Jahat?* 1929. Pulau Pinang. Ahmad Abdul Rahman & Co. / Muhammad Ali bin Muhammad ar-Rawi.
5. *Perangkap Hitam*. 1934. Pulau Pinang. Muhammad Ali bin Muhammad ar-Rawi.
6. *Peti Rahsia*. 1934. Pulau Pinang. Muhammad Ali bin Muhammad ar-Rawi.
7. *Ciu Yang Taat*. 1934. Pulau Pinang. Arba Ikhwan.
8. *Riwayat Sekapur Sireh*. 1935. Pulau Pinang. Arba Ikhwan.
9. *Dua Kali Selamat*. Tanpa Tarikh. Pulau Pinang. Arba Ikhwan.

Penelitian secara lebih luas mendapati kedudukan dan kemajuan Pulau Pinang adalah lebih ke hadapan berbanding dengan negeri-negeri lain yang berada di wilayah utara Tanah Melayu, yakni Perak, Kedah dan Perlis. Umum mengetahui bahawa Taiping merupakan antara bandar terawal munculnya kegiatan percetakan di Perak. Bandar tersebut merupakan pusat pentadbiran Inggeris yang awal dan ramai didiami masyarakat *Jawi Peranakan* atau *Jawi Pekan*. Malah, ramai pendatang dari Sri Lanka yang berpengalaman dalam bidang percetakan turut menetap di Taiping (Mohd. Sarim Bin Haji Mustajab, 1991) ketika itu. Antara bahan cetakan yang lahir dari Taiping termasuklah *Seri Perak* (1893), *Perak Pioneer* (1894), *Dictionary Clifford* (1894-1902), *Jajahan Melayu* (1896) dan *Penerang Hati* (1901). *Seri Perak* merupakan akhbar Melayu yang pertama diterbitkan di Semenanjung Tanah Melayu oleh golongan *Jawi Peranakan* atau *Jawi Pekan* yang menetap di Taiping. Penyuntingnya yang pertama ialah Haji Abdul Kadir bin Setia Raja yang memakai nama pena “Pengantara” (Mohd. Sarim Bin Haji Mustajab, 1991: 34).

Di Taiping juga telah tertubuh Taiping Press yang merupakan syarikat percetakan yang awal di negeri Perak. Syarikat ditubuhkan oleh M.D. Rozario pada tahun 1894 dan terletak di alamat No. 35 dan 37, Main Road, Taiping (sekarang Jalan Taming Sari, Taiping). Antara lain, syarikat tersebut menerbitkan akhbar *Perak Pioneer and Native State Advertiser* pada 4 Julai 1894 di bawah pimpinan Edward Patric Murphy. Merupakan akhbar berbahasa Inggeris yang awal, terbit pada hari Rabu dan Sabtu. Pada tahun 1912, akhbar tersebut dipimpin pula oleh Syed Abdul Hassan ibn Burhan. Pada tahun 1896, Taiping Press mencetak sebuah lagi akhbar berbahasa Melayu berjudul *Jajahan Melayu*. Akhbar adalah terdiri daripada 4 halaman bertulisan jawi dan dipimpin oleh Mohd. Omar bin Haji Abu Bakar.

Walau bagaimanapun, kemunculan percetakan awal di Taiping tidak berterusan dalam jangka masa yang lama. Misalnya, penerbitan akhbar *Seri Perak* hanya setakat tahun 1894 sementara akhbar *Jajahan Melayu* berakhir pada tahun 1897. Hal ini sama sekali berbeza dengan kemajuan institusi percetakan di Pulau Pinang yang terus hidup dan berkembang. Malah, kemajuan dan kepesatan institusi percetakan di Pulau Pinang turut menarik perhatian para pengarang dari negeri-negeri wilayah utara untuk menerbitkan karya di Pulau Pinang, termasuk kitab-kitab tulisan para ulama. Misalnya, salah seorang tokoh pengarang dan ulama penting dari Kedah yang banyak menghasilkan kitab sekitar awal abad ke-20 ialah Haji Wan Sulaiman Wan Sidek, turut menerbitkan karyanya di Pulau Pinang. Antara kitabnya yang telah dicetak dan diterbitkan adalah seperti berikut:

1. *Fakihat al-Janiyah*. 1917. Persama Press.
2. *Ayyuha al-Ikhwan*. 1918. The United Press.
3. *Nihayat al-Matlub*. 1919. Persama Press.
4. *Futuhat Qadihiyat*. 1924. Mercantile Press.
5. *Hawd al-Mawrud*. 1925. Persama Press.
6. *Mir'at al-Qulub*. 1926. The United Press.
7. *Tanwir al-Basirah*. 1929. Persama Press.

Pulau Pinang turut memainkan peranan dalam sejarah penubuhan beberapa buah syarikat percetakan di Perak dan Kedah. Misalnya, syarikat percetakan Al-Zainiyah di Pulau Pinang turut mempunyai cawangan di Taiping beralamat di No. 185, Main Road, Taiping. Demikian juga, akhbar *Warta Kinta* yang telah diasaskan di Perak, pada peringkat awalnya adalah dicetak di Pulau Pinang. Akhbar tersebut mula diterbitkan pada tahun 1937 dan sembilan siri keluaran pertamanya adalah dicetak oleh Persama Press, Pulau Pinang. Akhbar adalah dipimpin oleh Raja Manshoor bin Raja Abdul Kadir yang berasal dari Sumatera. Dalam keluaran kedua *Warta Kinta* (31 Disember 1937, halaman 8), terdapat sepucuk surat daripada pembaca yang bertanyakan kenapa akhbar tersebut dicetak oleh Persama Press di Pulau Pinang. Pertanyaan tersebut dijawab oleh editor akhbar seperti berikut:

Tuan Muhammad Adham

Tuan bertanya mengapa *Warta Kinta* dicap di Pinang? Jawab. Adalah pada waktu ini kita sedang sibuk dengan mengatur barang-barang di pejabat kita seperti: press, mesen, huruf dan lain-lain. Begitu juga lesen dari kerajaan belum lagi kami dapat. Tuan sedia maklum mendirikan satu-satu press bukan dapat dengan sekejap ketika sebagai mendirikan kedai rempah. Banyak alat yang mesti dikumpulkan.

Mulai keluaran yang kesepuluh (22 Mac 1938), akhbar *Warta Kinta* tidak lagi dicetak oleh Persama Press, Pulau Pinang, sebaliknya telah dicetak oleh *Warta Kinta Press Company* di Ipoh. Menurut Abdullah Hussain (1984: 190), penubuhan *Warta Kinta Press* adalah atas bantuan Raja Abdullah bin Raja Syed Salim, seorang hartawan lombong bijih timah yang berjaya ketika itu. Kegembiraan dan harapan sidang editor terhadap percetakan *Warta Kinta* tersebut terungkap pada akhbar keluaran kesepuluh seperti berikut (*Warta Kinta*, 22 Mac 1938, halaman 15):

Pada hari ini adalah satu hari yang sangat berbahagia bagi kita Pengurus dan Pengarang *Warta Kinta*, serta segala kakitangannya, sebab pada hari ini dapatlah akhbar kita dicap pada pressnya sendiri.

Semenjak zahirnya akhbar kita yang kecil ini pada 24 December 1937, sampai hari ini ia sudah berusia dekat tiga bulan, sentiasa ia dicap pada press orang lain. Dan sampailah pada keluaran ini dapatlah akhbar kita dicap pada pengecapnya sendiri ialah *Warta Kinta Press Company*.

Kita bersyukur ke hadrat Tuhan yang bersifat al-Rahman al-Rahim yang telah menyampaikan hajat dan maksud kita. Begitu juga kita mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih ke hadapan majlis pembaca yang dihormati yang telah memberi pertolongan kepada kita buat memajukan akhbar kita ini.

Pertumbuhan pesat institusi percetakan di Pulau Pinang turut berkait rapat dengan sambutan daripada khalayak pembaca terhadap bahan bacaan ketika itu. Hal ini berkaitan secara terus dengan keperluan kepada bahan bacaan di sekolah, pusat pengajian pondok dan juga sebagai bahan bacaan umum masyarakat yang semakin moden. Banyak karya tradisional Melayu telah dicetak dan diedarkan kepada khalayak pembaca. Misalnya, menurut catatan Proudfoot (1993: 339), *Hikayat Merong Mahawangsa* telah digunakan di Government Malay Schools sehingga 1907. Di peringkat sekolah pondok, institusi percetakan telah memainkan peranan dalam mencetak kitab-kitab yang telah dihasilkan.

Kitab sebagai sebahagian daripada khazanah kesusasteraan tidak lagi hanya wujud dalam bentuk manuskrip tulisan tangan sebaliknya telah dicetak dan disebarikan secara lebih meluas. Dalam *Idaran Zaman* bertarikh 18 Jun 1925 (halaman 2), terdapat catatan Rencana Pengarang tentang kemajuan akhbar tersebut seperti berikut:

Adapun hingga hari ini telah termasuk bilangan umur "Idaran Zaman" kepada bulan yang keenam dan telah dikeluarkan ia tiap-tiap kali cap 1,200 naskhah dan terserak pada serata Tanah Jawi serta Siam dan Arab seperti Tanah Jawa, Sumatera, Borneo, Sarawak, Mengkasar, Semenanjung Tanah Melayu, Patani, Setol, Bangkok, India, Mekah, dalam Al-Azhar di Mesir dan lain-lainnya.

Lebih penting daripada itu, Pulau Pinang pada awal abad ke-20 merupakan antara pusat awal kemunculan pemikiran-pemikiran Islam yang progresif, terutama yang dipengaruhi oleh gerakan Kaum Muda yang giat memperjuangkan gagasan *Islah* Islam moden di Tanah Melayu (rujuk Mohd. Sarim Mustajab, 1999 & Md. Salleh Md. Ghaus, 1981). Kebetulan pula, sebahagian besar pengarang yang berkumpul di Pulau Pinang adalah terdiri daripada mereka yang cenderung ke arah pemikiran Kaum Muda, termasuk Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Abdullah al-Maghribi, Muhammad Yunus Abdul Hamid dan Ahmad Rashid Talu. Rencana-rencana yang termuat dalam akhbar *Idaran Zaman*, *Al-Ikhwan*, *Saudara* dan *Malaya* adalah sarat dengan idea dan buah fikiran Kaum Muda. Misalnya, antara pengarang Kaum Muda yang menulis dalam akhbar *Saudara* termasuklah Syed Alwi Syed Syeikh al-Hadi, Mohd. Yunus Abdul Hamid, Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Keghairahan masyarakat dalam mendekati diri dengan idea-idea pembaharuan Kaum Muda telah menjadikan akhbar dan majalah tersebut sebagai bahan bacaan yang sangat diminati. Hal ini secara tidak langsung telah menghidupkan kegiatan percetakan di pulau tersebut.

Tidak kurang pentingnya, sambutan khalayak pembaca terhadap bahan bacaan turut dipengaruhi semangat perjuangan bangsa, nasionalisme dan politik Melayu yang sedang bersemarak di Pulau Pinang ketika itu. Dalam konteks ini, bahasa dan sastera

turut menjadi medium meniup semangat kecintaan kepada negara, khusus daripada para pengarang yang berjiwa perjuangan. Misalnya, dalam akhbar *Bahtra*, terdapat ruangan tetap berjudul “Celoteh Pak Awang” yang sentiasa membicarakan hal-hal yang berkaitan dengan nasib orang Melayu. Sementara itu, akhbar *Al-Ikhwān*, di samping kuat memperjuangkan pemikiran *Islah*, turut menyemai benih perjuangan kemajuan Melayu agar maju dalam kehidupan. Dalam *Al-Ikhwān* bertarikh 16 Jun 1929 (halaman 298-302) terdapat sebuah syair yang menyeru agar orang Melayu maju dalam kehidupan seperti dalam petikan berikut:

Sedarlah kaumku mulai sekarang,
Ribut kesukaran datang menyerang,
Susah nan tidak kena seorang,
Melainkan semua derita tak kurang.

Jika tak ingat sekarang masa,
Kesenangan negeri istimewa bangsa,
Bilakah lagi kita berjaga?
Duniawi tuan sudah dewasa!

Sinar kemajuan keliling rata,
Eropah, Amerika jangan dikata,
Pandanglah jiran berhampiran kita,
Jepun, Tiongkok, Jawa serta.

Umum Asia maju bergerak,
Turki, Afghan berarak-arak,
Hanya Semenanjung jauh berjarak,
Pajar kemajuan belum terarak.

Bilakah masa bilakah waktu?
Kaum kita jadi bersatu,
Bekerja membelah gunung dan batu,
Asyik bersinggit satu persatu.

Hal yang sama turut terdapat dalam akhbar *Suara Malaysia*. Kajian penulis terhadap majalah *Suara Malaysia* keluaran ke-5, bertarikh 8 Jun 1939 (cetakan Phoenix Press), mendapati isi kandungannya merangkumi berbagai-bagai tajuk rencana, sejarah, sastera dan iklan. Antara bahan yang berkaitan secara terus dengan sastera ialah dua buah sajak bertajuk “Oh...Behasa!” dan “Semangat Melayu”, sebuah cerita bersiri “Chek Mat

Kaya” dan sebuah drama berjudul “Bergurau!”. Hal ini menunjukkan bagaimana majalah *Suara Malaysia* memainkan peranan dalam menyemai semangat perjuangan dan nasionalisme Melayu. Sajak yang berjudul “Semangat Melayu” dalam majalah tersebut adalah seperti berikut (*Suara Malaysia*, 8 Jun 1939, halaman 25):

Semangat Melayu

Samentara orang Melayu mulai besemangat,
Hendak maju kemuka, seberapaangat,
Dengan nafsu yang berkemauan, yang tengah hangat,
Kemauan hidup, itulah yang di-ingat.

Itu kemajuan ada... diatas... di puncak Bukit,
Kesukaran menchapainya bukan sedikit,
Menanggung beberapa sukar dan sakit,
Kalau kemuliaan yang akan dibangkit.

Sungguhlah... bukan suatu pekerjaan mudah,
Untok mendapat kahormatan yang endah,
Tetapi memanglah begitu, kalau hendakkan faedah,
Mistilah menghilangkan beberapa kaedah.

Jika tidak berhati batu,
Mempunyai chita-chita dengan bermutu,
Yakin dan ikhlas pada Tuhan yang satu,
Sukar mendapat haluan yang tentu.

Karena itu, wahai... penganjur,
Bergurau, berkata, jangan terlanjur,
Yang lintang jangan dikata bujur,
Kelak ternyata budi tak jujur.

KESIMPULAN

Institusi percetakan di Pulau Pinang telah memberi sumbangan besar dalam sejarah perkembangan bahasa dan sastera negara, sebagai pemangkin kegiatan intelektual dan kepengarangan Melayu yang awal, selaras dengan kemajuan teknologi media yang sedang berkembang pesat ketika itu. Hasil-hasil penulisan tidak lagi lahir dalam bentuk manuskrip tradisional sebaliknya telah dicetak dan disebarkan kepada khalayak secara lebih cepat, banyak dan murah harganya. Kedudukan Pulau Pinang sebagai pusat bahasa

dan sastra pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 tidak akan wujud sepenuhnya tanpa sokongan daripada institusi percetakan. Malah, bahan-bahan cetakan bukan sahaja memberi manfaat kepada pembaca di Pulau Pinang, tetapi turut beredar dalam kalangan pembaca di seluruh Tanah Melayu. Dilihat dari sudut ini, institusi percetakan di Pulau Pinang telah memainkan peranan besar dalam proses pemodenan bahasa dan sastra Melayu, sebelum berkembang ke tahap yang ada pada hari ini.

Di samping itu, kemunculan institusi percetakan dan penerbitan yang banyak di Pulau Pinang telah menghidupkan suasana ilmu dalam kalangan khalayak masyarakat. Segala berita, rencana atau pun karya-karya kesusasteraan yang diterbitkan mengandungi pelbagai bentuk ilmu pengetahuan, cetusan pemikiran dan ilham para pengarang yang telah terdedah dengan ilmu dan pengalaman dari luar Tanah Melayu. Tidak kurang penting pula apabila sebahagian besar daripada akhbar, majalah dan bahan bacaan adalah menggunakan bahasa Melayu dan ditulis dengan menggunakan sistem tulisan Jawi. Hal ini secara langsung telah membantu meningkatkan keupayaan literasi masyarakat, di samping meningkatkan tahap penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan komunikasi masyarakat. Dalam hal ini, individu yang melibatkan diri dalam institusi percetakan di Pulau Pinang sama ada sebagai pengusaha, penerbit, pengarang atau pekerja am, telah meninggalkan jasa dalam sejarah bahasa dan sastra tanah air.

Pandangan penulis tentang kedudukan Pulau Pinang sebagai pusat percetakan dan sumbangannya dalam pensejarahan bahasa dan sastra negara tidak pula bermakna melupakan peranan yang telah dimainkan oleh institusi percetakan di negeri-negeri yang lain. Di samping Pulau Pinang, sejarah gemilang institusi percetakan juga telah berlaku di Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Johor dan Kelantan. Terdapat puluhan syarikat percetakan yang telah beroperasi di negeri-negeri tersebut dan menghasilkan pelbagai judul buku, akhbar dan majalah yang penting dalam sejarah bahasa dan sastra negara.

Walau bagaimanapun, sejarah kewujudan institusi percetakan di Pulau Pinang mempunyai pelbagai keistimewaan yang tersendiri, khususnya dalam konteks sejarah pemodenan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar ilmu dan budaya yang kosmopolitan sebelum Perang Dunia Kedua.

Kegemilangan institusi percetakan di Pulau Pinang tidak kekal lama. Selepas Perang Dunia Kedua tamat, sebahagian daripada syarikat percetakan telah menutup operasinya. Penerbitan akhbar dan majalah juga telah semakin berkurangan. Hal ini berterusan apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka di Johor Bahru pada tahun 1956 dan kemudiannya berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1962 turut mengalihkan perhatian para pengarang dan khalayak bahasa dan sastera ke Kuala Lumpur. Operasi percetakan dan penerbitan karya juga telah menjadi semakin moden dan menelan kos yang semakin tinggi. Pengurusan bidang percetakan menjadi lebih sistematik melalui organisasi perniagaan yang lebih besar dan bukan lagi dimiliki oleh tauke atau individu secara persendirian. Nama-nama syarikat percetakan batu yang besar seperti Jelutong Press, Mercantile Press dan Persama Press kini sudah tidak wujud lagi di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, hal di atas tidak pula bermakna institusi percetakan telah lenyap sama sekali di Pulau Pinang. Sebahagian daripada syarikat percetakan tersebut masih terus beroperasi sehingga ke hari ini khususnya dalam mencetak dan menerbitkan buku-buku atau kitab-kitab agama. Salah sebuah syarikat percetakan yang dimaksudkan ialah United Press yang kini masih aktif mencetak buku-buku agama penerbitan Syarikat Haji Abdullah bin Muhammad Noordin ar-Rawi yang terletak di Acheen Street (Lebuh Aceh). Malahan, Syarikat Haji Abdullah bin Muhammad Noordin ar-Rawi masih merupakan salah sebuah penerbit buku-buku agama (tulisan jawi) yang penting di Malaysia hingga ke hari ini. Di samping itu, beberapa buah syarikat percetakan dan

penerbitan yang juga telah lama wujud di Pulau Pinang, seperti Pustaka Dar al-Mu'arif dan Sinaran Bros, masih terus kekal beroperasi sehingga sekarang.

Pengalaman penulis dalam meneliti sejarah percetakan di Pulau Pinang tidak begitu memberangsangkan. Sebahagian besar daripada bangunan syarikat percetakan telah musnah, berpindah milik atau tidak dapat dikesan sama sekali. Pengarang dan orang-orang yang terlibat dalam dunia percetakan masa lalu ramai yang telah meninggal dunia. Usaha penulis untuk melihat contoh-contoh alat percetakan yang pernah beroperasi suatu ketika dahulu tidak membuahkan hasil. Malah, keperluan untuk melihat dan meneliti akhbar, majalah dan buku-buku asal yang telah dicetak begitu sukar dipenuhi, lantaran ketiadaan sumber, termasuk di muzium dan arkib Pulau Pinang. Beberapa contoh majalah dan akhbar hanya dapat dibaca di beberapa buah perpustakaan di Kuala Lumpur dan Alor Setar ataupun melalui simpanan peribadi beberapa individu tertentu. Hal ini adalah suatu perkara yang tidak sepatutnya berlaku terutamanya bagi negeri Pulau Pinang yang dapat dikatakan sebagai bandar percetakan awal bagi negara Malaysia.

Institusi percetakan yang pernah wujud di Pulau Pinang pada awal abad ke-19 dan abad ke-20 yang lalu bukan sekadar catatan sejarah Negeri Pulau Pinang tetapi merupakan sebahagian daripada warisan sejarah negara Malaysia. Demikian juga, tokoh-tokoh pengarang seperti Syed Syeikh al-Hadi, Ahmad Rashid Talu, Muhammad Yunus Abdul Hamid dan lain-lainnya bukan sekadar tokoh milik masyarakat di Pulau Pinang tetapi adalah tokoh pengarang rakyat Malaysia keseluruhannya. Justeru, suatu usaha yang bersungguh-sungguh harus dilakukan dalam memelihara dan memulihara sejarah kewujudan institusi percetakan di Pulau Pinang. Sudah sampai masanya sebuah MUZIUM PERCETAKAN MELAYU PULAU PINANG ditubuhkan di kawasan Lebuh Aceh, ataupun di rumah Syed Syeikh al-Hadi, ataupun di Dewan Bahasa dan Pustaka

Wilayah Utara, ataupun di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Adalah suatu perkara yang amat menyedihkan apabila sejarah kegemilangan institusi percetakan ini akan hilang berkubur daripada pengetahuan masyarakat pada masa akan datang. Makalah ini diakhiri dengan satu petikan daripada tulisan Abdul Rahim Kajai dalam ruangan "Kata Pengantar" buku *Angan-Angan Kehidupan* (Penggala Pertama), 1931, cetakan Jelutong Press, seperti berikut:

**Permulaan Kata
(Penggala yang pertama)**

Keluarnya buku cerita Turki kita ini diharapkan bertambahlah sebuah buku bacaan lagi menambah buku-buku kita yang telah sedia bertaburan merata-rata alam Melayu ini terkarang oleh pendeta-pendeta kita atau sekurang-kurangnya oleh pena Melayu yang mengharapkan kemajuan anak-anak bangsanya di dalam hal yang berhubung dengan buku-buku cerita.

Sebagaimana (gambar bertutur) itu beransur menghapuskan (gambar bisu) di dalam tiap-tiap astana wayang merata-rata alam ini begitulah pengharapan kita bahawa buku-buku kita yang terkarang menurut aliran ketamadunan itu akan menghapuskan cerita-cerita tahyul atau kesaktian menjelma ke dalam (dunia laut) masuk ke dalam sebuah gaung atau seumpamanya yang tidak dikehendaki lagi pada zaman kita ini.

Kita tidak mengaku bahawa cerita kita ini mengandungi mutiara pelajaran tetapi adalah ia sekurang-kurangnya akan jadi bandingan dan pemandangan di atas.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hussain. 1984. *Sebuah Perjalanan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
-2000. *Pertemuan Abadi: Koleksi Terpilih Abdullah Hussain*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Ismail. 1995. "Nasionalisme Melayu dan Nasionalisme Melayu Setanah Melayu: satu Perbincangan Tentang Soal Permulaannya" dalam *Isu-Isu Pensejarahan* (disunting oleh Abu Talib Ahmad & Cheah Boon Kheng). Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia. Hal. 163-192.
- Abdul Razak Mahmud. 2000. "Percetakan Kelantan: Sumbangan Majlis Agama Islam dan Adat-Istiadat Melayu Kelantan" *Jendela Utara* (Ogos 2000). Hal. 16.
- Abu Bakar Nordin dll. 2000. *SITC-UPSI Pelopor Pendidikan Bangsa*. Petaling Jaya. Longman
- Ahmad bin Haji Nik Hassan. 1963. "The Malay Press 1876-1906" *JMBRAS* (36). Hal. 37-38.
- Ahmat Adam. 1994. *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad ke Sembilan Belas*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alijah Gordon (penyusun). 1999. *The Real Cry of Syed Shyakh al-Hadi (with selections of his writings by his son, Syed Alwi)*. Kuala Lumpur. Malaysian Sociological Research Institute.
- A.M. Iskandar Haji Ahmad. 1980. *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Byrd, Cecil K. 1970. *Early Printing in the Straits Settlements 1806-1858*. Singapore. National Library (lihat juga terjemahan buku oleh Mansor Ahmad Saman, 1991, berjudul *Percetakan Awal Di Jajahan Selat 1806-1858*, penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur).
- Hamed Mohd. Adnan. 1998. "Majalah-Majalah Agama Sebelum Perang dan Ekonomi Penerbitannya" dalam *Pengajian Sastera Dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru* (susunan Hashim Awang AR, Zahir Ahmad & Zainal Abidin Borhan). Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya. Hal. 137-158.
- Hashim Awang. 1975. *Cerpen-Cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Tema dan Struktur*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Restu. 1996. "Tuan Haji Muhammad Said Yan (1877-1962)" dalam *Biografi Ulama Kedah Darul Aman*. Alor Setar. Muzium Negeri Kedah. Halaman 131-138.

- Johan Jaafar. 1978. "Surat Khabar dan Majalah Melayu Sebelum Tahun 1945 yang Tersimpan di Arkib Negara Malaysia: Satu Senarai Rujukan" *Dewan Bahasa* (Julai 1978). Hal. 518-529.
- Khoo Kay Kim. 1984. *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Manasseh Manoharan. 1992. "Penang Home of the Malay Novel" *Pulau Pinang* (Vol. 3, No. 2, 1992). Hal. 9-12.
- Md. Salleh bin Md. Gaus. 1981. "Pergerakan Politik Melayu Negeri Pulau Pinang Sebelum 1945" *Jebat* (10). Hal. 142-162.
- 1984. *Politik Melayu Pulau Pinang 1945-1957*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. 1998. *Penerbitan & Percetakan Buku Melayu 1807-1960*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Dahari Othman. 1985. "Akhbar Cahaya Pulau Pinang (1900-1908)" dalam *Warisan Sastera Pulau Pinang* (susunan Abdul Latiff Abu Bakar). Kuala Lumpur. Gapena. Hal. 13-20.
- Mohd. Sarim Hj. Mustajab. 1977. "Profile Seorang Wartawan 1920-an: Mohamed Younus Abd. Hamid" *Jebat* (7). Hal. 159-166.
- 1991. "Percetakan Melayu dan Suratkhbar di Taiping, Perak" *Jebat* (19). Hal. 31-42.
- Mujiени bin Amat. 1982. "Sejarah Awal Persekolahan Melayu di Pulau Pinang" dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah* (11). Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia. Hal. 39-49.
- Nik Ahmad Haji Nik Hassan. 1963. "The Malay Press" *JMBRAS* (36). Hal. 37-38.
- O'Sullivan, Leona. 1983. "The Malay MSS Collected by Rev. Thomas Beighton" *Indonesia Circle* (32).
-1984. "The London Missionary Society: A Written Record of Missionaries and Printing Presses in the Straits Settlements, 1815-1847" *JMBRAS* (57). Hal. 61-104.
- Proudfoot, I. 1986. "A Formative Period in Malay Book Publishing" *JMBRAS* (59). Hal. 101-132.
-1993. *Early Malay Printed Books*. Kuala Lumpur. Academy of Malay Studies, University of Malaya.
- Roff, W.R. 1972. *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States (1879-1941)*. London. Oxford University Press.
- Saleh Osman. 1984. "Mohammad Yunus bin Abdul Hamid dan *Malaya: Illustrated Journal*"

Sastera Dan Sasterawan II. Kuala Lumpur. Persatuan Sejarah Malaysia. Hal. 18-35.

.....1985. "*Majalah Malaya (1926-1931)*" dalam *Warisan Sastera Pulau Pinang* (susunan Abdul Latiff Abu Bakar). Kuala Lumpur. Gapena. Hal. 21-40.

Salmon, Claudine. 1986. "Percetakan dan Penerbitan Cina di Nusantara (dari akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20)." *Archipel* (32).